

54 calon SPM cemerlang

**NOOR AINULYAKIN
MOHAMAD ISHAK**

SHAH ALAM – Seramai 54 calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2009 di negeri ini memperoleh gred Cemerlang Tertinggi (A+) semua mata pelajaran yang diduduki.

Pengarah Jabatan Pelajaran Negeri Selangor (JPS), Sulaiman Wak berkata, calon Cemerlang Tertinggi berkenaan antara 1,894 calon yang memperoleh gred cemerlang iaitu A+, A atau A- semua subjek.

Menurutnya, pada keseluruhannya, pencapaian calon SPM 2009 bertambah baik apabila seramai 57,117 calon (90.11 peratus) berjaya mendapat sijil SPM berbanding 52,656 (89.54 peratus) pada 2008 iaitu meningkat sebanyak 0.57 peratus.

“Gred Purata Negeri dalam peperiksaan SPM bagi Selangor ialah 5.07 berbanding 2008 (5.29),

mata pelajaran yang diduduki dalam SPM 2009, berbanding 12,391 tahun sebelumnya.

“Selain itu, seramai 677 calon gagal (gred G) dalam semua mata pelajaran yang mereka duduki berbanding 623 pada 2008,” katanya.

Menurutnya, pencapaian sekolah di negeri ini berdasarkan Gred Purata Sekolah (GPS) mengikut kategori pula antaranya 10 sekolah dikategorikan cemerlang (gred 0.00 – 2.25), 49 sekolah berada di kategori baik (gred 2.26 hingga 4.50), 189 sekolah mendapat tahap memuaskan (gred 4.51 hingga 6.75) dan tujuh sekolah dikategorikan sekolah berpotensi (gred 6.76 hingga 9.00).

“Sebanyak 10 sekolah cemerlang di Selangor yang mencapai GPS 0.00 hingga 2.25 adalah Kolej Islam Sultan Alam Shah, Klang (1.14), Sekolah Berasrama Penuh (SBP) Integrasi Gombak (1.25), SBP Integrasi Rawang (1.32), Sekolah

jek penawaran kali pertama,” katanya.

Beliau berkata, pencapaian mata pelajaran teras bagi subjek Bahasa Melayu (BM), Bahasa Inggeris (BI), Pendidikan Islam (PI), Matematik dan Pengetahuan Moral menunjukkan peningkatan berbanding 2008.

“BM meningkat dari 89.67 peratus kepada 90.25 peratus pada tahun 2009, BI dari 79.70 peratus kepada 81.27 peratus, PI dari 90.43 peratus kepada 90.51 peratus, Pengetahuan Moral dari 73.64 peratus kepada 75.50 peratus.

“Tiga subjek yang menunjukkan penurunan pada 2009 adalah Sejarah dari 71.52 kepada 70.56 peratus, Matematik dari 77.47 peratus kepada 78.53 peratus dan Sains dari 90.41 peratus kepada 89.90 peratus,” katanya.

55 calon STAM dapat keputusan



● Sulaiman memegang laporan keputusan SPM 2009 semalam di pejabatnya.

ilaian 5.07 berbanding 2008 (5.29), bermakna kuantiti pencapaian calon mendapat keputusan terbilang, cemerlang dan kepujian dalam mata pelajaran yang diambil bertambah.

"Selain itu dengan pengenalan sistem penggredan baru SPM telah dapat memperincikan lagi kecemerlangan calon apabila diperkenalkan gred yang lebih tinggi daripada gred 1A iaitu gred A+ (Cemerlang Tertinggi)," katanya semasa mengumumkan keputusan SPM 2009 di jabatan berkenaan, semalam.

Beliau berkata, bilangan calon cemerlang mengikut mata pelajaran diduduki ialah seorang calon memperoleh tujuh A kombinasi A+, A atau A-, tiga calon mendapat lapan A kombinasi, 14 calon mendapat sembilan A+, 21 calon mendapat 10 A+ dan seorang mendapat 15 A+ serta ramai lagi memperoleh kombinasi A.

"Seramai 14,536 pelajar berjaya mendapat sekurang-kurangnya gred C (A+ hingga C) bagi semua

Integrasi Rawang (1.32), Sekolah Seri Puteri, Cyberjaya (1.49), Sekolah Menengah Sains Hulu Selangor (1.55) dan SBP Integrasi Sabak Bernam (1.57).

"Selain itu Sekolah Menengah Sains Kuala Selangor (1.84), Sekolah Agama Menengah Bestari, Subang Jaya (1.85), Sekolah Menengah Agama Persekutuan, Kajang (2.05) dan Sekolah Menengah Kebangsaan Perempuan Sri Aman, Petaling Jaya (2.25)," katanya.

Prestasi mata pelajaran

Sulaiman juga berkata, daripada 86 mata pelajaran ditawarkan kepada pelajar di negeri ini, sebanyak 44 subjek mendapat 100 peratus lulus berbanding 36 tahun 2008, manakala 28 mata pelajaran meningkat peratus lulus berbanding 32 pada 2008.

"Sementara 13 subjek telah menurun peratus lulus berbanding 26 subjek pada 2008 dan satu sub-

mumtaz

Dalam pada itu, seramai 55 calon Sijil Tinggi Agama Menengah (STAM) 2009 Negeri Selangor mendapat keputusan mumtaz (cemerlang) iaitu 52 calon sekolah berdaftar dan tiga calon persendirian.

Sulaiman berkata, pada 2009, seramai 503 calon sekolah berdaftar menduduki peperiksaan STAM dan 61 calon persendirian.

Menurutnya, daripada jumlah itu, seramai 55 calon memperoleh mumtaz, 63 calon mendapat jayyid-jiddan (sangat baik), 139 calon peroleh jayyid (baik), 54 calon mendapat maqbul (lulus) dan 45 calon memperoleh rasib (gagal).

"Calon memperoleh mumtaz terdiri daripada 52 calon sekolah berdaftar dan tiga orang calon persendirian, calon mendapat jayyid-jiddan termasuk 62 calon berdaftar dan seorang calon persendirian, yang peroleh jayyid pula terdiri dari 132 calon ber-

daftar dan 7 calon persendirian.

"Bagi calon yang mendapat maqbul pula terdiri daripada 39 calon berdaftar dan 15 calon persendirian serta bagi calon yang gagal pula terdiri daripada 27 calon berdaftar dan 18 calon persendirian," katanya.

Beliau berkata, prestasi bagi sepuluh mata pelajaran yang ditawarkan untuk calon STAM tahun 2009 itu menunjukkan peningkatan.

"Dari semua subjek berkenaan, mata pelajaran Balaghah menunjukkan peratusan 99.69 peratus lulus apabila seramai 327 dari 356 calon mendudukinya.

"Seramai 332 calon mengambil Hifz Al Quran dan Tajwid menunjukkan peratusan kelulusan sebanyak 96.99 peratus, bagi subjek Fiqh pula peratusan kelulusan sebanyak 96.71 peratus dengan bilangan calon menduduki 334 orang," katanya.

Beliau berkata, daripada 345 calon mengambil subjek Tauhid

dan Mantiq, peratus kelulusan sebanyak 97.39 peratus, bagi subjek Tafsir dan Ulumuhu pula peratus lulus sebanyak 94.36 peratus, subjek Hadith dan Mustolah mendapat peratus lulus sebanyak 97.90 peratus.

"Daripada 344 calon menduduki subjek Nahu dan Sarf, sebanyak 95.35 mendapat keputusan lulus dalam subjek itu dan subjek Insyah dan Mutalaah serta Adab dan Nusus semua calon yang mengambil mendapat 100 peratus lulus," katanya.

Sementara itu, bagi subjek Arudh dan Qafiah yang diambil oleh 336 calon, peratus lulus sebanyak 95.83 peratus.

Peperiksaan bertulis STAM 2009 dijalankan dari 19 Oktober hingga 27 Oktober 2009 di lima pusat peperiksaan di seluruh negeri ini manakala seramai 41 petugas dilantik untuk mentadbir peperiksaan berkenaan yang diduduki oleh 564 calon berdaftar sebagai calon STAM.